

# H1N1: Lelaki OKU mangsa ke-74



198 kes baru, 261 sah hidap selepas mabai

S-4 12/9/09 MS8

KUALA LUMPUR - Setelah tujuh hari tiada kematian direkodkan akibat jangkitan Influenza A (H1N1), semalam, satu kematian baru didaftarkan menjadikan jumlah kematian sehingga kini sebanyak 74.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican berkata, mangsa adalah seorang lelaki orang kelainan upaya (OKU) berumur 19 tahun dari Gerik, Perak.

"Beliau dimasukkan ke Hospital Gerik, 19 Ogos lalu kerana demam, batuk, sakit tekak dan muntah selama empat hari.

Pada 20 Ogos, kes dirujuk ke Hospital Ipoh untuk rawatan pakar dan rawatan antiviral dimulakan.

"Bagaimanapun, beliau meninggal dunia pada 23 Ogos kerana komplikasi paru-paru atas sebab 'Acute Pulmonary Oedema with underlying Influenza A H1N1 infection' dan kes disahkan H1N1 melalui ujian makmal pada 28

Ogos," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, sejumlah 198 pesakit baru dengan gejala Influenza-like illness (ILI) telah dimasukkan ke hospital sehingga semalam untuk rawatan manakala sebanyak 190 kes didiscaj.

"Ini menjadikan baki seramai 1,104 ILI sedang dirawat di 101 buah hospital termasuk lapan hospital swasta di seluruh negara. Daripada jumlah pesakit yang dirawat, hanya 261 pesakit (23.6 peratus) disahkan positif H1N1," katanya.

Beliau berkata, daripada 261 kes yang disahkan H1N1, sebanyak 41 kes berada di unit rawatan rapi (ICU) di mana lapan kes merupakan kemasukan baru manakala enam lagi kes telah keluar dari ICU.

"Daripada 41 kes yang sedang dirawat di ICU, sebanyak 32 (78 peratus) mempunyai faktor risiko. Pecahan kes mengikut faktor risiko adalah pesakit

kronik (13), penyakit respiratori kronik (satu), obesiti (sembilan), kanak-kanak bawah lima tahun (lapan) dan hamil (satu)," katanya.

Dr Mohd Ismail juga berkata, sehingga kini belum lagi ada vaksin di pasaran untuk melindungi seseorang daripada Influenza A kerana vaksin itu masih di peringkat ujian klinikal dan Malaysia akan mendapatkan bekalan pertama vaksin sebaik sahaja ia dipasarkan.

Beliau berkata, kini sesiapa yang ingin mengerjakan haji dan umrah diwajibkan mengambil vaksin Seasonal Flu dan Meningitis.

Berkaitan antiviral pula, Dr Mohd Ismail berkata, golongan yang berisiko tinggi boleh memperolehnya di mana-mana klinik atau hospital dan mereka digalakkan untuk mengunjungi Klinik Cegah dan Rawat Influenza A (H1N1) yang boleh menawarkan antiviral pada harga berpatutan. - Bernama

**rujuk  
pakar**